



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 141/89

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL) 1989

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 253/2006

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

27 April 1989

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Mei 1989

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah](#)

- Peraturan 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran.](#)
- Peraturan 3. [Tempoh-tempoh yang ditetapkan bagi maksud-maksud perenggan \(b\) dan \(c\) subseksyen \(2\) sekyen 18.](#)
- Peraturan 4. [Pemberitahuan perubahan maklumat yang diberikan.](#)
- Peraturan 5. [Keberterusan syarat-syarat yang sedia ada jika penduduk bertukar.](#)
- Peraturan 6. [Inventori buangan-buangan terjadual.](#)
- Peraturan 7. [Langkah-langkah yang hendaklah diambil jika penduduk tidak lagi menjadi pemegang lesen.](#)
- Peraturan 8. [Fee.](#)
- Peraturan 9. [Pengkompunan kesalahan-kesalahan.](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Mei 1989.

Peraturan 2. Tafsiran.

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna lain-

"buangan terjadual" ertinya apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori-kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [*P.U. (A) 294/2005*].

"lesen" ertinya lesen berkenaan dengan mana-mana premis yang ditetapkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 18 Akta;

"premis yang ditetapkan " ertinya premis yang ditetapkan oleh Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989. [*P.U. (A) 140/89*]

[*Pin. P.U. (A) 253/2006*]

Peraturan 3. Tempoh-tempoh yang ditetapkan bagi maksud-maksud perenggan (b) dan (c) subseksyen (2) seksyen 18.

Berkaitan dengan pembuatan permohonan bagi sesuatu lesen-

(a) tempoh yang berakhir pada 31hb Mei 1989 adalah ditetapkan bagi maksud-maksud perenggan (b) subseksyen (2) seksyen 18 Akta;

(b) tempoh selama empat belas hari selepas seseorang menjadi penduduk mana-mana premis yang ditetapkan adalah ditetapkan bagi maksud-maksud perenggan (c) subseksyen (2) seksyen 18 Akta.

Peraturan 4. Pemberitahuan perubahan maklumat yang diberikan.

Tiap-tiap pemohon bagi mendapatkan lesen atau bagi membaharui atau memindahkan lesen hendaklah, dalam masa tujuh hari dari berlakunya apa-apa perubahan material apa-apa maklumat yang diberikan dalam permohonannya atau yang diberikan kerana diminta oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (2) seksyen 11 Akta, memaklumkan perubahan itu kepada Ketua Pengarah secara bertulis.

Peraturan 5. Keberterusan syarat-syarat yang sedia ada jika penduduk bertukar.

Jika seseorang menjadi penduduk mana-mana premis yang ditetapkan sebagai pengganti seorang lain yang memegang suatu lesen yang belum tamat tempoh berkenaan dengan premis yang ditetapkan itu, maka-

(a) selama tempoh empat belas hari selepas pertukaran penduduk itu; atau

(b) jika penduduk yang baru itu membuat permohonan bertulis dalam tempoh yang disebut dalam perenggan (a) supaya lesen itu dipindahkan kepadanya, selama tempoh dari pertukaran penduduk sehingga permohonannya diputuskan dengan muktamad,

syarat-syarat yang tertakluk kepadanya, atau yang berdasarkannya, lesen itu dikeluarkan hendaklah mengikat penduduk yang baru itu dan hendaklah dipatuhi olehnya walaupun dia belum lagi menjadi pemegang lesen itu atau walaupun lesen itu habis tempoh dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan.

Peraturan 6. Inventori buangan-buangan terjadual.

(1) Tiap-tiap penduduk premis yang ditetapkan hendaklah menyimpan, dalam keadaan yang baik, suatu inventori yang betul dan kemaskini bagi jenis-jenis dan kuantiti-kuantiti buangan terjadual yang diterima,

distor, diolah, diperolehi kembali, dimusnahkan, dilupuskan, atau dikendalikan dengan cara lain di premis yang ditetapkan itu.

(2) Tiap-tiap penduduk premis yang ditetapkan hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas akhir tiap-tiap tempoh tiga bulan, mengemukakan suatu inventori kepada Ketua Pengarah bagi buangan-buangan terjadual yang diterima, distort, diolah, diperolehi kembali, dimusnahkan, dilupuskan, atau dikendalikan dengan cara lain di premis yang ditetapkan itu dalam tempoh tiga bulan itu.

(3) Tempoh tiga bulan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah bermula pada hari penduduk itu mula menduduki premis yang ditetapkan itu.

(4) Jika seseorang tidak lagi menjadi penduduk mana-mana premis yang ditetapkan dan seorang lain menggantikan sebagai penduduk premis yang ditetapkan itu, maka bekas penduduk itu hendaklah memindahkan inventori yang disimpan olehnya kepada penduduk yang baru.

(5) Walau apa pun kehendak dalam subperaturan (4), Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana penduduk atau bekas penduduk memindahkan inventori yang disimpan oleh penduduk atau bekas penduduk itu kepadanya.

Peraturan 7. Langkah-langkah yang hendaklah diambil jika penduduk tidak lagi menjadi pemegang lesen.

(1) Jika penduduk mana-mana premis yang ditetapkan tidak lagi menjadi pemegang lesen berkenaan dengan premis yang ditetapkan itu dan masih ada di premis yang ditetapkan itu buangan terjadual yang belum diolah atau dilupuskan, dia hendaklah menyebabkan buangan-buangan terjadual itu dipindahkan, dalam tempoh tiga puluh hari dari hari dia tidak lagi menjadi pemegang lesen sedemikian, ke mana-mana premis yang ditetapkan yang berkenaan dengannya ada lesen yang sedang berkuatkuasa.

(2) Subperaturan (1) adalah terpakai bagi mana-mana penduduk premis yang ditetapkan yang permohonannya bagi mendapatkan sesuatu lesen atau bagi memindahkan sesuatu lesen ditolak; dan dalam pemakaiannya bagi penduduk yang sedemikian, tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah bermula pada hari dia diberitahu tentang penolakan itu atau, jika dia membuat rayuan dan rayuan itu tidak berjaya, pada hari dia diberitahu tentang keputusan Lembaga Rayuan, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(3) Penduduk yang disebut dalam subperaturan (1) dan (2) hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang dikenakan kepada pengeluar buangan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 [*P.U. (A) 139/89*] sehinggalah buangan-buangan terjadual yang masih tinggal itu diserahkan ke dalam jagaan penduduk mana-mana premis yang ditetapkan yang berkenaan dengannya ada lesen yang sedang berkuatkuasa.

Peraturan 8. Fee.

(1) Fee bagi kebenaran bertulis di bawah seksyen 19 Akta ialah \$1000.00 dan tidak boleh dikembalikan.

(2) Fee bagi lesen di bawah seksyen 18 Akta atau bagi pembaharuan lesen itu ialah \$100.00 dan tidak boleh dikembalikan.

Peraturan 9. Pengkompaunan kesalahan-kesalahan.

(1) Tiap-tiap kesalahan yang terdiri daripada apa-apa ketinggalan atau kecuaiian mematuhi, atau apa-apa perbuatan yang dilakukan atau cuba hendak dilakukan berlawanan dengan, Peraturan-peraturan ini boleh dikompaunkan di bawah seksyen 45 Akta.

(2) Pengkompaunan kesalahan-kesalahan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1978 [*P.U. (A) 281/78*].

Diperbuat pada 31hb Mac 1989.

[KST. & AS. (U) 902/JAS/2/2/Jld. II; PN. (PU²) 280/III.]

DATUK AMAR STEPHEN K.T. YONG,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

SENARAI PINDAAN

*Undang-undang
yang meminda*

Tajuk ringkas

*Berkuat kuasa
dari*

Akta 160

Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975

29-08-1975


[P.U. \(A\) 253/2006](#)

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling
(Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan
Pengolahan dan Pelupusan Buangan
Terjadual) (Pindaan) 2006

01-07-2006

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD